

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH
(SETIU)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [SETIU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah butiran atau kriteria bagi penggunaan peruntukan di bawah Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) serta tindakan yang diambil sekiranya terdapat unsur penyalahgunaan peruntukan tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) di salurkan oleh Kerajaan Persekutuan berdasarkan Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan yang bertujuan untuk membantu Kerajaan Negeri menyelenggara jalan negeri di negeri masing-masing.

Skop penggunaan Pemberian ini adalah untuk tujuan

SULIT

3. Buat masa ini, jumlah perbelanjaan akhir masih belum dimuktamadkan kerana Kementerian sedang dalam proses pembayaran untuk segala perolehan yang telah dibuat. Jawatankuasa Kewangan telah menetapkan semua pembayaran perlu dibuat sebelum 30 November 2017. Jawatankuasa Kewangan ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan telah mengeluarkan Tatacara Pengurusan Kewangan yang perlu dipatuhi oleh semua jawatankuasa bagi memasti perbelanjaan dilaksanakan dengan betul dan teratur.

Sekian, terima kasih.

22

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Seramai lebih 20,000 orang penjawat awam dari pelbagai peringkat terlibat di dalam Jawatankuasa Pengelola yang terdiri daripada 18 jawatankuasa kecil melibatkan pelbagai agensi dan jabatan kerajaan bagi Temasya Kuala Lumpur 2017. Kumpulan profesional dan petugas awam juga termasuk dalam jumlah berkenaan serta bertugas sepanjang tempoh temasya berlangsung. Penjawat awam yang bertugas sebagai sukarelawan bagi Temasya Kuala Lumpur 2017 pula adalah seramai 993 orang untuk Sukan SEA ke-29 dan 470 orang bagi Sukan Para ASEAN ke-9.
2. Untuk makluman, temasya Kuala Lumpur 2017 telah menyaksikan penglibatan seramai 13,000 orang sukarelawan dari seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 9,000 sukarelawan ditugaskan bagi Sukan SEA ke-29 dari 19 hingga 30 Ogos 2017. Sementara itu, 4,000 sukarelawan lagi digerakkan semasa Sukan Para ASEAN ke-9 dari 17 hingga 23 September 2017. Antara bidang tugas para sukarelawan termasuklah tugas am, anti-doping, ICT, keselamatan, kesihatan, perhubungan, media, upacara pembukaan dan penutup, pengangkutan, penempatan, penyampaian hadiah, perubatan, promosi dan pemasaran, protokol, makanan, lokasi pertandingan/kemudahan, terjemahan serta kawalan keselamatan dan trafik.

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN ER TECK HWA
[BAKRI - DAP]**

SOALAN NO.187

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah penjawat awam dan sukarelawan yang terlibat, dan perbelanjaan yang telah dikeluarkan untuk penganjuran Sukan SEA ke-19 dan Sukan Para ASEAN.

Sehingga 30 September 2017, jumlah permohonan **Geran In-Kind Contribution (IKC)** yang telah diluluskan adalah sebanyak 1,784 permohonan. Seramai 1,262 adalah pemohon lelaki dan 522 adalah pemohon perempuan.

Bagi bantuan **dana pembiayaan** di bawah Program Agropreneur Muda, sebanyak 288 permohonan telah diterima oleh Agrobank dari tahun 2014 hingga 2017. Daripada jumlah itu, seramai 112 telah diluluskan manakala selebihnya masih dalam proses pertimbangan. Bagi permohonan dana pembiayaan di bawah TEKUN pula, daripada 460 orang yang memohon, sebanyak 428 orang telah diluluskan pembiayaan mereka. Berikut merupakan pecahan kelulusan mengikut pecahan jantina bagi bantuan pembiayaan sepanjang 2014 sehingga 2017:

Agrobank	-Lelaki : 96 kelulusan -Perempuan : 16 kelulusan
TEKUN Nasional	-Lelaki : 332 kelulusan -Perempuan: 96 kelulusan

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melaksanakan Program Agropreneur Muda yang bertujuan untuk melahirkan dan membangunkan usahawan muda dalam sektor agromakanan di samping menggalak penyertaan golongan belia dalam sektor ini. Melalui program ini, usahawan muda yang layak akan diberikan bantuan seperti berikut:

- i. Bantuan khidmat nasihat dan teknikal daripada jabatan / agensi pembimbing berkaitan projek yang hendak / sedang dijalankan;
- ii. Bantuan geran sehingga maksimum RM20,000 bagi projek permulaan;
- iii. Bantuan pinjaman bagi pengembangan melalui Agrobank sehingga maksimum RM200,000; dan
- iv. Bantuan pinjaman melalui TEKUN Nasional sehingga maksimum RM50,000

Sejak dilaksanakan dari tahun 2014 sehingga 30 September 2017, seramai **3,816 usahawan muda** telah menerima bantuan di bawah Program Agoprenuer Muda yang merangkumi bantuan **Geran *In-Kind Contribution* (IKC)** dan **dana pembiayaan** berjumlah sebanyak RM 93.7 juta.

Pecahan penerima bantuan mengikut sektor adalah seperti berikut;

- i. Tanaman – 1437 orang (RM 31,725,745 juta)
- ii. Ternakan – 893 orang (RM 25,141,690 juta)
- iii. Perikanan – 364 orang (RM 13,364,250 juta)
- iv. Industri Asas Tani – 1,122 orang (RM 23,505,232 juta)